

## **IMPLEMENTASI HAK KANAK-KANAK (CRC) DI RUMAH KANAK-KANAK: DAPATAN KAJIAN RINTIS**

**Pathmanathan A/L R. Nalasamy<sup>1</sup>**  
**Siti Hajar Abu Bakar Ah (Ph.D)<sup>2</sup>**

### **ABSTRAK**

*Konvensyen Hak Kanak-Kanak merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial, dan kebudayaan kepada kanak-kanak. Satu survei yang menggunakan teknik self-report sedang dijalankan untuk mengenal pasti hak kanak-kanak usulan Konvensyen Hak Kanak-Kanak yang diimplementasi dan yang tidak diimplementasi oleh RKK, mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh RKK dalam usaha mengimplementasi hak kanak-kanak; dan mencadangkan tindakan-tindakan susulan yang boleh diambil oleh RKK bagi penerapan hak kanak-kanak yang lebih berkesan ke dalam perkhidmatan, program, aktiviti dan prasarana fizikal dan sosialnya. Kesemua 446 orang kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 13-18 tahun yang sedang mengikuti perkhidmatan penjagaan dan pelindungan di Rumah Kanak-kanak di seluruh negara menyertai kajian ini. Namun, kertas kerja ini hanya memaparkan dapatan daripada ujian rintis (pilot test) yang telah dijalankan ke atas 30 orang kanak-kanak di dua buah Rumah Kanak-kanak. Kajian rintis mendapat sebahagian besar daripada hak kanak-kanak yang diusulkan sedang dilaksanakan di Rumah Kanak-Kanak.*

Kata kunci: Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, Rumah Kanak-kanak, Perkhidmatan pelindungan, penjagaan dan pemeliharaan

### **PENGENALAN**

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child* atau CRC) merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial, dan kebudayaan kepada kanak-kanak. Mengikut Marshall (1964), hak sivil bermaksud pemberian kebebasan bersuara keselamatan dan keadilan kepada kanak-kanak. Hak politik pula adalah jaminan untuk mengambil bahagian dalam persatuan dan hak untuk memilih orang atau perkara yang diminati oleh kanak-kanak. Hak ekonomi dan sosial adalah berkaitan hak kebijakan kanak-kanak dalam aspek makanan, pakaian,

<sup>1</sup> Calon Sarjana di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya ([pathmak2009@yahoo.com](mailto:pathmak2009@yahoo.com))

<sup>2</sup> Profesor Madya dalam bidang Dasar Sosial di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya ([shajar@um.edu.my](mailto:shajar@um.edu.my)).

kediaman dan kesihatan. Hak kebudayaan merangkumi hak untuk kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti atau program yang melambangkan kebudayaan sendiri. Semua kanak-kanak berhak diberi peluang memiliki dan mengamalkan semua hak i dalam kehidupan harian mereka.

Mengikut Konvensyen ini, usaha-usaha mengimplementasi hak kanak-kanak harus meliputi prinsip tiada diskriminasi, prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak, prinsip kehidupan dan perkembangan kanak-kanak serta prinsip pendapat kanak-kanak. Konvensyen ini yakin bahawa sekiranya hak kanak-kanak berjaya diimplementasi secara berkesan dalam semua sistem dan institusi kebajikan kanak-kanak, maka kesejahteraan hidup kanak-kanak tercapai.

## HAK KANAK-KANAK DAN KESEJAHTERAAN HIDUP MEREKA

Kerajaan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-kanak pada 28 Disember 1994 (Siti Zaharah et al., 2002). Ini telah disusuli dengan penghasilan satu laporan; *Malaysia: Implementation of the Convention on the Rights of the Child, First Country Report*, pada Januari 2007. Menurut laporan ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi pelaksana yang bertanggungjawab memastikan Konvensyen Hak Kanak-Kanak diimplementasi dalam semua proses dan prosedur pengurusan kes kanak-kanak. Selain JKM, agensi-agensi lain yang terlibat dalam merealisasikan implementasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak adalah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Kehakiman Negara.

Walaupun Konvensyen Hak Kanak-Kanak telah diterima pemakaianya oleh PBB mulai 20 November 1989, kesejahteraan hidup kanak-kanak pada peringkat global masih tidak menunjukkan peningkatan yang membanggakan. Kanak-kanak masih terdedah kepada pelbagai ancaman ekonomi, sosial, kebudayaan dan konflik politik di beberapa Negara miskin dan sedang membangun di Asia dan Afrika (Rena, 2007). Bagi konteks Malaysia khususnya, bilangan penangkapan kanak-kanak dalam pelbagai aktiviti jenayah dan antisosial agak membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Begitu juga dengan kes yang melibatkan penderaan, pengabaian, eksplorasi dan pemerdagangan kanak-kanak. Malahan, kes-kes pembuangan bayi yang begitu berleluasa sejak akhir-akhir ini membayangkan bahawa ada kanak-kanak yang langsung tidak diberi peluang untuk hidup. Kes-kes menyelamat dan menghantar kanak-kanak berisiko ke dalam beberapa institusi penjagaan, pelindungan dan pemulihan sosial juga meningkat dari tahun ke tahun. Data dalam Jadual 1 menunjukkan bilangan kanak-kanak yang telah dan sedang menerima perkhidmatan penjagaan gantian dan pelindungan di Rumah Kanak-kanak (RKK) bagi tempoh 2003 hingga 2009.

Jadual 1:Bilangan Penghuni Tempat Selamat (2003 -2009)

Institusi	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009
RKK Cheras	189	213	198	268	236	211	195
RKK Kuala Kangsar	124	116	131	123	120	72	105
RBL Melaka	86	113	126	121	125	123	78
PPPK Serendah	107	93	96	77	69	58	82
RKK Taman Bakti	185	175	180	155	175	142	131
RKK Kuantan	177	144	142	184	237	164	154
RKK Sri Aman *	-	88	75	67	0	0	0
RKK Kota Kinabalu *	-	67	87	83	81	77	64
RKK Arau *	-	37	73	97	71	166	210
RKK Kuching **	-	-	-	-	24	48	50
RKK Rembau ***	-	-	-	-	68	76	53
<b>Jumlah</b>	<b>868</b>	<b>1046</b>	<b>1108</b>	<b>1175</b>	<b>1206</b>	<b>1137</b>	<b>1122</b>

\* Beroperasi mulai 2004

\*\*Beroperasi mulai tahun 2005

\*\*\*Bertukar menjadi RKK pada Ogos 2008

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009

Perkara penting yang ingin dinyatakan berkaitan data dalam Jadual 1, adalah ia menunjukkan kanak-kanak Malaysia semakin terdedah kepada pelbagai ancaman sosial yang menggugat kesejahteraan hidup mereka. Ancaman-ancaman sosial yang wujud dalam persekitaran sosial yang didiami mereka menyebabkan ramai yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial dan menjadi mangsa penderaan, pengabaian dan eksplorasi sosial. Sebagai tindakan penyelamatan, ramai yang perlu dipindahkan atau ditempatkan di "tempat selamat". Di "tempat selamat" ini mereka bukan sahaja dijaga, dipelihara dan dilindungi; malah aspek yang lebih penting ialah di sinilah mereka diajar dan disosialisasikan semula untuk besar-membangun menjadi anggota masyarakat yang baik dan produktif. Semua ini bermula dengan penerapan hak mereka sebagai kanak-kanak. Bagi kanak-kanak yang menerima perkhidmatan RKK contohnya, mereka mesti tahu hak mereka sebagai kanak-kanak yang sedang menerima rawatan jagaan gantian formal tersebut. Bagi pelaksana pula, mereka perlu memastikan semua hak kanak-kanak yang telah dinyatakan dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak perlu disampaikan secara jujur dan efisien.

Setelah 15 tahun konvensyen ini diimplimentasi, masih terdapat beberapa kes yang melibatkan perlanggaran hak kanak-kanak di RKK. Contohnya, kes kematian seorang penghuni berusia 14 tahun yang sedang menerima pelindungan di Sekolah Tunas Bakti Taiping pada Mei 2008. Seorang lelaki dipercayai kakitangan institusi berkenaan telah ditahan reman untuk siasatan. (The Star, 8 Mei 2008). Selain itu, masih terdapat beberapa kes penderaan yang melibatkan kanak-kanak di institusi kanak-kanak. RKK. Contohnya pada bulan November 2009, tiga orang kanak-kanak perempuan yang sedang ditahan sementara (direman) di salah sebuah pusat pemulihan akhlak di Melaka mengadu dipukul dan dikasari secara seksual oleh pelatih senior yang juga sedang menjalani tahanan sementara. Biasanya kesalahan-kesalahan seperti ini dilakukan oleh penghuni senior atau kakitangan institusi. Selain itu, masalah hilang identiti asal seperti bahasa, kebudayaan dan dipaksa memeluk agama lain dan sebagainya juga ada kalanya menjadi isu di RKK. Akhbar The Star (20 November 2009) telah melaporkan tentang aduan seorang wanita berusia 27 tahun yang mendakwa telah ditukar agama ketika

berusia 7 tahun, semasa berada di RKK Taman Bakti Kepala Batas. Masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan penghuni RKK seolah-olah telah menjadi isu tega Segelintir bekas penghuni RKK mengadu mengalami masalah identiti dalam kehidupan sehari-hari kerana kegagalan pihak RKK menguruskan pendaftaran dan pengambilan sijil lahir dan seterusnya kad pengenalan mereka. Kebanyakannya mereka yang mengalami masalah ini hanya memiliki kad pengenalan sementara seperti yang dimiliki oleh warganegara asing yang bekerja di Malaysia; sedangkan mereka lahir di Malaysia. Ketiadaan sijil lahir dan kad pengenalan tetap ini kemudian memberi pelbagai kesan negatif kepada mereka yang terlibat. Ketiadaan dokumen pengenalan diri juga menjadikan punca ada segelintir kanak-kanak yang dipindahkan ke "tempat selamat" tidak dapat bersekolah. Masalah seperti ini secara tidak langsung memperjudikan masa depan kanak-kanak ini. Ini secara jelas menafikan hak perkembangan kanak-kanak berkenaan.

Insiden-insiden berkenaan menimbulkan banyak persoalan dikalangan orang awam yang selama ini menganggap RKK merupakan tempat yang selamat untuk menjaga, memelihara, dan melindungi kanak-kanak. Insiden-insiden berkenaan juga secara tidak langsung memperlihatkan ketidakseriusan atau kealpaan pihak-pihak yang terlibat mengenai prinsip-prinsip Konvensyen Hak Kanak-Kanak. Ia menidakkannya hak yang sewajarnya dinikmati oleh seorang kanak-kanak yang sedang mendapat perlindungan, penjagaan dan pemeliharaan di institusi berkenaan. Kewujudan keskes tersebut juga seolah-olah menunjukkan bahawa usul-usul Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak kurang diimplementasi dan/atau tidak diimplementasi dengan serius dalam institusi penjagaan kanak-kanak. Pengkaji yakin bahawa sekiranya Konvensyen Hak Kanak-Kanak diimplementasi secara total ke dalam RKK, perkara-perkara yang tidak diingini berlaku ke atas kanak-kanak boleh dielakkan. Implementasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak secara konsisten juga mampu mencapai matlamat institusi penjagaan sosial ganti ini; iaitu untuk menyediakan jagaan dan perlindungan gantian kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik agar menjamin jasmani dan emosi yang sihat dalam suasana yang tenteram dan selamat. Pengimplementasian Konvensyen Hak Kanak-Kanak juga mampu menjadikan RKK sebuah perkhidmatan penjagaan sosial yang berkualiti. Kepentingan-kepentingan ini mendorong pengkaji untuk melakukan satu kajian yang boleh menjadikan usaha-usaha pengimplementasian Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak ke dalam RKK.

## KAJIAN 2009

Kajian Implementasi Hak Kanak-kanak di RKK (selepas ini disebut sebagai Kajian 2009) dilakukan bagi menjawab tiga persoalan. Pertama, apakah hak kanak-kanak usulan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak yang ada diimplementasi dan yang tidak diimplementasi oleh RKK? Kedua, mengapakah usaha mengimplementasi semua komponen hak kanak-kanak usulan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak sukar dijalankan sepenuhnya? Ketiga, bagaimanakah RKK boleh mengimplementasi hak kanak-kanak yang disyorkan oleh Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dengan lebih lancar? Berkait-rapat dengan persoalan-persoalan berkenaan, tiga objektif Kajian 2009 adalah untuk mengenal pasti hak kanak-kanak usulan Konvensyen Hak Kanak-Kanak yang diimplementasi dan yang tidak diimplementasi oleh RKK, mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh RKK dalam usaha mengimplementasi hak kanak-

kanak dan mencadangkan tindakan-tindakan susulan yang boleh diambil oleh RKK bagi penerapan hak kanak-kanak yang lebih berkesan ke dalam perkhidmatan, program, aktiviti dan prasarana fizikal dan sosialnya.

Bagi mengumpulkan data mentah kajian, satu survei yang menggunakan teknik *self-report* dijalankan. Survei dilihat sesuai untuk kajian ini kerana bilangan responden yang ramai dan ciri-ciri responden yang hampir sama. Teknik *self-report* pula dipilih kerana pengkaji ingin mengumpulkan maklumat “real” daripada kanak-kanak yang berada di RKK tentang implementasi hak kanak-kanak yang disyorkan oleh Konvensyen Hak Kanak-kanak. Teknik ini sesuai bagi mengetahui sama ada sesuatu amalan baru ada atau tidak dilaksana ke dalam sesebuah sistem perkhidmatan; daripada perspektif klien perkhidmatan sosial berkenaan atau daripada individu yang mengalami sesuatu pengalaman sosial. Pengkaji telah meminta responden menyatakan sendiri atau melaporkan sama ada mereka menerima atau tidak, hak-hak seorang kanak-kanak mengikut usulan Konvensyen Hak Kanak-kanak. Mereka juga diminta menyatakan aktiviti-aktiviti sosial perkhidmatan-perkhidmatan sosial dan fasiliti sosial yang terdapat di RKK. Selain itu, mereka juga diminta menyatakan sendiri bagaimana RKK boleh menyampaikan hak-hak mereka sebagai seorang kanak-kanak dengan lebih berkesan.

Kajian ini hanya memfokus kepada RKK sahaja sebagai perwakilan kepada sistem kebajikan kanak-kanak yang terdapat di Malaysia<sup>3</sup>. Perkhidmatan perlindungan, pemeliharaan dan penjagaan ini dipilih kerana hampir kesemua hak kanak-kanak usulan Konvensyen dijangkakan perlu dan layak dilaksanakan di RKK; berbanding daripada perkhidmatan yang lain. Sehingga tahun 2009 terdapat 10 buah rumah perlindungan, penjagaan dan pemeliharaan untuk kanak-kanak berisiko di Malaysia<sup>4</sup>. Kesemua “Tempat Selamat” ini dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan merupakan institusi-institusi kerajaan persekutuan (Akta Kanak-kanak 2001).<sup>5</sup> Enam daripada sepuluh “tempat selamat” tersebut; iaitu Rumah Kanak-Kanak, Rembau, Negeri Sembilan; Rumah Kanak-Kanak, Arau, Perlis; Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz, Melaka; Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan, Serendah, Selangor; Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, Sabah dan Rumah Kanak-Kanak, Kuching, Sarawak menempatkan kanak-kanak berumur 13 hingga 18 tahun. Semua 446 orang kanak-kanak berumur 13-18 tahun, lelaki dan perempuan yang sedang menerima perkhidmatan di keenam-enam institusi ini menjadi responden kajian ini. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada kanak-kanak berumur 13 hingga 18 tahun kerana kanak-kanak yang

<sup>3</sup> Perkhidmatan sistem kebajikan kanak-kanak di Malaysia boleh dibahagikan kepada 7 komponen utama seperti berikut:- Perkhidmatan Pelindungan, Perkhidmatan Pemeliharaan dan penjagaan gantian, Perkhidmatan Pemulihan, Perkhidmatan Sokongan, Perkhidmatan Tambahan, Perkhidmatan Sepunya; dan, Perkhidmatan Berasaskan Komuniti.

<sup>4</sup> Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah, Cheras, Kuala Lumpur; Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang; Rumah Kanak-Kanak, Kepala Batas, Pulau Pinang; Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz , Kuala Kangsar, Perak; Rumah Kanak-Kanak; Rembau, Negeri Sembilan; Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, Sabah; Rumah Kanak-Kanak, Kuching, Sarawak; Rumah Kanak-Kanak, Arau, Perlis; Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz, Melaka; Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan, Serendah, Selangor.

<sup>5</sup> Selain 10 Tempat Selamat ini ada beberapa RKK di bawah kendalian kerajaan negeri yang diwartakan sebagai “Tempat Selamat” untuk keperluan negeri masing-masing, iaitu Asrama Persatuan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) di Kuala Terengganu, Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim, Johor (Rumah Barkat) di Bukit Cagar, Johor Bahru dan Rumah Kanak-Kanak Sri Aman, di Sarawak. Semua RKK diuruskan berpaduan kepada Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2007.

berada dalam umur ini adalah kumpulan yang lebih matang yang membolehkan mereka mampu memberi pendapat dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengajar secara lebih jelas, kanak-kanak dalam lingkungan usia ini merupakan mereka yang selalunya mengadu dan bersuara terhadap sesuatu masalah di institusi, dan peringkat umur ini sudah mula membuat berbandingan antara baik dan buruk. Oleh itu, permintaan dan harapan mereka lebih tinggi berbanding kumpulan umur yang lain.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik berstruktur "Kajian Implementasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak 2009/2010" sebagai instrumen utama pengumpulan data<sup>6</sup>. Pra-ujian (*pilot test*) telah dijalankan di RBL Melaka dan RKK Rembau di kalangan 30 orang kanak-kanak<sup>7</sup> yang bukan responden kajian sebenar. Instrumen kajian menunjukkan ukuran kepolehpercayaan Cronbach's Alpha (*reliability*) sebanyak 0.405, iaitu hampir 41%. Selain soal selidik utama untuk kanak-kanak, kajian ini juga menggunakan senarai soalan temubual berstruktur bagi pengumpulan data daripada pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan operasi harian di RKK. Data-data yang dikumpulkan melalui soal selidik dianalisis dengan menggunakan ukuran statistik deskriptif dalam program SPSS.

## DAPATAN KAJIAN

Pemaparan dapatan kajian rintis dalam kertas kerja ini hanya bertumpu kepada persoalan dan objektif pertama kajian; iaitu mengenal pasti hak-hak usulan Konvensyen Hak Kanak-kanak yang ada diimplementasi oleh RKK. Perbincangan dibuat mengikut empat jenis hak kanak-kanak yang diusulkan oleh Konvensyen; iaitu hak kehidupan, hak perkembangan, hak perlindungan dan hak penyertaan.

### 1. Hak Kehidupan

Sebanyak 18 item mengenai hak kehidupan kanak-kanak telah ditanya kepada responden<sup>8</sup>. Ia merangkumi perasaan kanak-kanak semasa berada di RKK, pemilikan dokumen pengenalan diri kanak-kanak, keadaan dan perhubungan kanak-kanak dengan ahli keluarga setelah masuk ke institusi, kemudahan kesihatan yang diberi semasa kanak-kanak sakit, keselamatan sosial yang dinikmati, kualiti dan tahap kebersihan tempat tinggal, kualiti makanan dan tahap kepuasan kanak-kanak terhadap makanan yang disediakan oleh pihak institusi diketahui. Dari Jadual 2, seramai 21 orang (70%) kanak-

<sup>6</sup> Struktur borang soal selidik ini dibahagikan kepada 3 bahagian utama. Bahagian A adalah mengenai profil responden. Bahagian B adalah mengenai profil keluarga responden. Seterusnya, Bahagian C mengandungi soalan-soalan mengenai implementasi empat Hak Konvensyen Kanak-Kanak iaitu :- Hak Kehidupan, Hak Perkembangan, Hak Perlindungan dan Hak Penyertaan.

<sup>7</sup> Melibatkan 15 orang kanak-kanak lelaki dan 15 orang kanak-kanak perempuan. Dari aspek umur pula, ia melibatkan seramai 3 orang kanak-kanak yang berumur 13 tahun, 6 orang berumur 14 tahun

<sup>8</sup> Input implementasi untuk hak kehidupan dibuat berdasarkan enam artikel Konvensyen Hak Kanak-Kanak iaitu Hak Kehidupan dan Perkembangan (Artikel 6), Hak Memelihara Identiti (Artikel 8), Hak Tidak Dipisahkan daripada ibu bapa (Artikel 9), Hak Kesihatan – Kemudahan & Perkhidmatan (Artikel 24), Hak Keselamatan Sosial (Artikel 26) dan Hak Taraf Hidup (Artikel 27) tentang tempat tinggal, pakaian dan keperluan lain.

kanak menyatakan perasaan gembira berada di Rumah Kanak-Kanak (RKK), walaupun 23 (76.7%) kanak-kanak menyatakan mereka dimasukkan ke RKK tidak secara sukarela. Dari segi hubungan dengan ahli keluarga, 18 orang (60%) kanak-kanak menyatakan masih menghubungi ahli keluarga dan 21 (70%) kanak-kanak dibenarkan menelefon dan menulis surat kepada ahli keluarga mereka. Nampaknya aspek kesihatan diberi perhatian yang serius di RKK kerana semua 30 (100%) responden menyatakan ada menerima rawatan kecemasan sekiranya tercedera atau sakit. Item 8, 9 dan 10 yang juga merupakan item yang berkaitan kesihatan kanak-kanak, masing-masing mencatat pencapaian tinggi iaitu 26 (86.7%), 23 (76.7%) dan 22 (73.3%). Satu perkara yang boleh dibangkitkan adalah ketiadaan insurans nyawa atau kemalangan untuk kanak-kanak di RKK. Hampir 96.7% (29 orang) kanak-kanak menyatakan tiada insurans nyawa atau kemalangan. Makanan yang disediakan di RKK mendapat komen positif dalam kajian rintis ini iaitu 29 (96.7%) menyatakan suka dengan makanan yang disajikan. Manakala aspek kebersihan juga mendapat reaksi positif dengan 27 (90%) kanak-kanak berpendapat premis RKK adalah bersih. Secara umumnya kajian rintis ini menunjukkan hak kehidupan mendapat perhatian dan komitmen pihak pengurusan RKK. Ini kerana maklum balas daripada para responden menunjukkan banyak keadaan positif.

Jadual 2: Implementasi Hak Kehidupan di RKK

Bil	Operasional Hak Kehidupan	Ya		Tidak	
		Bil	%	Bil	%
1	Gembira berada di institusi ini	21	70	9	30
2	Takut / bimbang berada di institusi ini	9	30	21	70
3	Nama dan latar belakang pernah diberitahu kepada orang lain yang tiada kaitan atau disiarkan dalam surat khabar dan sebagainya	27	90	3	10
4	Masuk ke rumah ini secara sukarela	7	23.3	23	76.7
5	Menghubungi ahli keluarga sejak masuk ke rumah ini	18	60	12	40
6	Menelefon /menulis surat kepada ahli keluarga	21	70	9	30
7	Semasa tercedera atau jatuh sakit, pegawai bertugas/ pegawai lain memberi rawatan kecemasan	30	100	0	0
8	Dibawa ke hospital untuk rawatan segera dan lanjutan	26	86.7	4	13.3
9	Mendapat layanan tambahan seperti menu makanan khas daripada pegawai	23	76.7	7	23.3
10	Diasingkan semasa sakit	22	73.3	8	26.7
11	Dimasukkan ke Wad untuk mendapat rawatan	9	30	21	70
12	Pegawai lain dari institusi melawat semasa berada di Wad	14	46.7	16	53.3
13	Mempunyai insurans nyawa/ insurans kemalangan	1	3.3	29	96.7
14	Keadaan di rumah lebih baik daripada keadaan di RKK	16	53.3	14	46.7
15	Puas hati dengan tempat tinggal yang disediakan	27	90	3	10
16	Pakaian yang diberi / dibekalkan di rumah ini berkualiti dan mencukupi	24	80	6	20
17	Suka makanan yang disajikan di sini	29	96.7	1	3.3
18	Rumah ini bersih	27	90	3	10

## 2. Hak Perkembangan

Hak perkembangan telah dinilai dengan mengemukakan 18 item berdasarkan tiga input implementasi yang penting iaitu pendidikan, matlamat pendidikan dan akses kepada maklumat sewajarnya<sup>9</sup>. Ia merangkumi maklumat mengenai tahap persekolahan kanak-kanak, keputusan peperiksaan dan kelas tambahan atau kelas tuisyen yang diberi kepada kanak-kanak, tahap pelajaran mereka, kaedah bantuan yang diterima oleh kanak-kanak yang lemah, cadangan untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka, cita-cita kanak-kanak untuk memasuki institusi pengajian tinggi, pengetahuan tentang syarat dan kelayakan memasuki universiti atau kolej serta cita-cita sebenar kanak-kanak; serta sokongan pegawai di RKK dalam membantu kanak-kanak mencapai pendidikan yang baik.

Jadual 3: Implementasi Hak Perkembangan di RKK

Bil	Operasional Hak Perkembangan	Ya		Tidak	
		Bil	%	Bil	
1	Masih bersekolah	27	90	3	
2	Ada keputusan peperiksaan				
	UPSR	PMR	SPM	Tidak Pasti	
	Bil	%	Bil	%	Bil
	14	46.7	8	26.1	1
					3.3
					7
					23.3
3	Dihantar ke tuisyen di dalam atau di luar institusi	21	70	9	
4	Diri sendiri merasakan tahap pelajaran baik	21	70	9	
5	Menyertai program khas masalah pembelajaran	20	66.7	10	
6	Ada pihak lain membantu meningkatkan tahap pelajaran	26	86.7	4	
7	Keputusan peperiksaan yang diperoleh berbaloi dengan usaha	18	60	12	
8	Pernah tertinggal/terlepas untuk mengambil UPSR / PMR	5	16.7	25	
9	Bercita-cita untuk masuk ke Universiti atau kolej	27	90	3	
10	Mengetahui kelayakan-kelayakan untuk masuk ke universiti atau kolej yang ingin disertai	18	60	12	
11	Mempunyai cita-cita	30	100	0	
12	Pengetahuan mendalam tentang cita-cita	16	53.3	14	
13	Mempunyai kebolehan / kemampuan lain	23	76.7	7	
14	Pegawai bertugas membantu membuat kerja sekolah, memberi latihan sukan dan sebagainya	28	93.3	2	
15	Selalu membaca surat khabar di RKK	25	83.3	5	
16	Selalu menonton TV di RKK	17	56.7	13	
17	RKK menyediakan majalah dan buku untuk bacaan harian	16	53.3	14	
18	RKK memperuntukkan sekurang-kurangnya 1 jam untuk membaca surat khabar dan menonton TV	8	26.7	22	

<sup>9</sup> Input implementasi hak perkembangan memperlihatkan tiga artikel penting Konvensyen Hak Kanak-Kanak iaitu Pendidikan (Artikel 28) yang melibatkan pendidikan sekolah rendah, sekolah menengah, kolej atau universiti serta kemahiran teknik. Matlamat Pendidikan (Artikel 29) menjadi artikel kedua yang menyentuh tentang personaliti, bakat, kebolehan, dan perkembangan mental serta kebolehan fizikal kanak-kanak. Akses Kepada Maklumat Sewajarnya (Artikel 17) menjadi artikel ketiga yang digunakan dalam pengoperasian hak perkembangan kanak-kanak di RKK.

Dari Jadual 3, terdapat 10% (3 orang) daripada responden masih belum bersekolah. Walaupun kadarnya kelihatan kecil tetapi dalam kajian sebenar perkara ini boleh menjadi suatu isu penting. Item 2 yang dikemukakan untuk mengetahui tahap peperiksaan tertinggi yang telah diduduki oleh responden menunjukkan maklum malas yang mengejutkan kerana hampir 7 orang (23.3%) kanak-kanak tidak pasti keputusan yang mereka miliki. Perkara asas lain untuk pendidikan disediakan oleh pihak RKK seperti tuisyen, seramai 70% responden melaporkan menerima kemudahan berkenaan. Semua 30 kanak-kanak mempunyai cita-cita. Ini menunjukkan suatu perkembangan positif kerana masing-masing mempunyai keinginan untuk menjadi insan berjaya. Walau bagaimanapun cuma 16 orang (53.3%) kanak-kanak sahaja yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang citi-cita mereka. Satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian adalah kebolehan dan kemampuan lain yang dimiliki oleh kanak-kanak. Seramai 23 orang (76.7%) kanak-kanak menyatakan memiliki kemampuan lain yang boleh diperkembangkan.

### 3. Hak Perlindungan

Hak perlindungan merupakan komponen yang mengemukakan item terbanyak; iaitu sebanyak 26 item<sup>10</sup>. Perkara yang ditanya adalah tentang insiden penderaan yang pernah dialami dalam institusi, jenis salah laku, kaedah pelaporan, pengurusan disiplin, intervensi pemulihan yang dikenakan oleh pihak institusi serta tahap penerimaan kanak-kanak terhadap tindakan berkenaan; Pengetahuan kanak-kanak tentang keluarga sendiri, pengalaman tinggal bersama keluarga angkat dan pendapat kanak-kanak tentang keluarga angkat. Perkara berkaitan kecacatan dan pengurusan kanak-kanak cacat (OKU) juga disentuh dalam komponen ini<sup>11</sup>. Pengalaman kanak-kanak terhadap pekerjaan, pengambilan bahan larangan seperti dadah atau pil khayal, diasingkan atau dikurung di institusi serta pandangan terhadap perkara berkenaan juga ditanya. Begitu juga dengan kaedah pengurusan kes dan keberkesanan pegawai kes menguruskan kanak-kanak dan masa depan kanak-kanak.

Secara umumnya berdasarkan keputusan kajian rintis terhadap implementasi hak perlindungan di RKK, boleh dibuat kesimpulan bahawa hak perlindungan secara sederhana sahaja yang dinikmati oleh kanak-kanak di RKK dan ada banyak ruangan lagi yang untuk membaiki keadaan ini. Namun, ada dua dapatan yang begitu menonjol yang ingin dikongsi oleh pengkaji dengan pembaca. Pertama, maklum balas responden mengenai pengalaman mereka sama ada pernah dipukul, dibuli dan dikasari. Seramai 12 orang (40%) kanak-kanak yang menjadi responden pernah mengalami keadaan ini.

<sup>10</sup> Input implementasi hak perlindungan merupakan hak yang melibatkan paling banyak artikel Konvensyen kerana RKK merupakan institusi yang memberi perkhidmatan pelindungan kepada kanak-kanak.

<sup>11</sup> Artikel yang berkaitan adalah hak tidak dieksloitasi melibatkan Keganasan / Penderaan (Artikel 19), Pengeksploitasi Seks (Artikel 4) dan Pengeksploitasi Lain (Artikel 36). Selain itu, Perlindungan kanak-kanak Tanpa Keluarga (Artikel 20), Pengangkatan (Artikel 21), Kanak-Kanak OKU (Artikel 23), Buruh Kanak-Kanak (Artikel 32), Penyalahgunaan Dadah (Artikel 33), Pemulihan Akhlak (Artikel 39), Keadilan Juvana (Artikel 40), Kajian Semula Penempatan (Artikel 25) dan Tanggungjawab ibu bapa (Artikel 18) telah dilakukan pengoperasian agar pengkaji dapat mengenal pasti hak perlindungan yang dinikmati oleh kanak-kanak di RKK.

Jadual 4: Implementasi Hak Perlindungan di RKK

Bil	Operasional Hak Perlindungan	Ya		Tidak																																																	
		Bil	%	Bil	%																																																
1	Pernah dipukul/ dibuli / dikasari	12	40	18	60																																																
2	Pernah terlibat dalam sebarang bentuk perlakuan seks	3	60	27	90																																																
3	Melaporkan kepada pegawai yang menjaga rumah ini jika mempunyai masalah	20	66.7	10	33.3																																																
4	Tindakan yang diambil oleh pegawai RKK apabila berlaku masalah dipukul, dibuli atau dikasari																																																				
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Dirujuk kepada Kaunselor</th> <th>Didenda</th> <th>Membuat Laporan Polis</th> <th>Memberi Nasihat</th> </tr><tr> <th>Bil</th> <th>%</th> <th>Bil</th> <th>%</th> <th>Bil</th> <th>%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>15</td> <td>50</td> <td>10</td> <td>33.3</td> <td>3</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td>2</td> <td>6.2</td> </tr> </tbody> </table>	Dirujuk kepada Kaunselor	Didenda	Membuat Laporan Polis	Memberi Nasihat	Bil	%	Bil	%	Bil	%	15	50	10	33.3	3	10					2	6.2																														
Dirujuk kepada Kaunselor	Didenda	Membuat Laporan Polis	Memberi Nasihat																																																		
Bil	%	Bil	%	Bil	%																																																
15	50	10	33.3	3	10																																																
				2	6.2																																																
5	Berpuas hati terhadap tindakan-tindakan yang diambil	27	90	3	10																																																
6	Tindakan yang diambil memberi pengajaran kepada kanak-kanak lain	16	53.3	14	46.7																																																
7	Mengetahui ahli keluarga sendiri	25	83.3	5	16.7																																																
8	Mempunyai pengalaman tinggal bersama keluarga angkat	10	33.3	20	66.7																																																
9	Rasa sesuai untuk tinggal bersama keluarga angkat	12	40	18	60																																																
10	Pegawai kes biasa berbincang tentang menempatkan bersama keluarga angkat	7	23.3	23	76.7																																																
11	Kanak-kanak seorang OKU	3	10	27	90																																																
12	Bekerja di luar institusi ini	3	10	27	90																																																
13	Pengetahuan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun tidak boleh bekerja	18	60	12	40																																																
14	Terlibat dalam sebarang perkara berkaitan dadah/gam/pil khayal dan sebagainya	2	67	28	93.3																																																
15	Terlibat dalam sebarang program anti dadah yang dianjurkan oleh institusi ini	27	90	3	10																																																
16	Terlibat dalam ujian saringan air kencing yang dianjurkan oleh institusi ini	15	50	15	5																																																
17	Pernah melakukan kesalahan disiplin	14	46.7	16	52.3																																																
18	Pernah melakukan perkara-perkara berikut:-																																																				
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis</th> <th>Bil</th> <th>%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ponteng Sekolah</td> <td>13</td> <td>43.3</td> </tr> <tr> <td>Ponteng Aktiviti di Institusi</td> <td>6</td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>Mencuri</td> <td>3</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>Membuli, Mengugut</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Merokok</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Biadab</td> <td>1</td> <td>3.3</td> </tr> <tr> <td>Melawan</td> <td>1</td> <td>3.3</td> </tr> <tr> <td>Melarikan Diri</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Melakukan Perlakuan Seks</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Vandalisme</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Geng Samseng</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Dadah / Gam</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Lain-lain</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kebanyakan di atas</td> <td>1</td> <td>3.3</td> </tr> <tr> <td>Tidak Pernah</td> <td>5</td> <td>16.7</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis	Bil	%	Ponteng Sekolah	13	43.3	Ponteng Aktiviti di Institusi	6	20	Mencuri	3	10	Membuli, Mengugut			Merokok			Biadab	1	3.3	Melawan	1	3.3	Melarikan Diri			Melakukan Perlakuan Seks			Vandalisme			Geng Samseng			Dadah / Gam			Lain-lain			Kebanyakan di atas	1	3.3	Tidak Pernah	5	16.7				
Jenis	Bil	%																																																			
Ponteng Sekolah	13	43.3																																																			
Ponteng Aktiviti di Institusi	6	20																																																			
Mencuri	3	10																																																			
Membuli, Mengugut																																																					
Merokok																																																					
Biadab	1	3.3																																																			
Melawan	1	3.3																																																			
Melarikan Diri																																																					
Melakukan Perlakuan Seks																																																					
Vandalisme																																																					
Geng Samseng																																																					
Dadah / Gam																																																					
Lain-lain																																																					
Kebanyakan di atas	1	3.3																																																			
Tidak Pernah	5	16.7																																																			

-Sambungan Jadual 4-

Bil	Operasional Hak Perlindungan	Ya		Tidak	
		Bil	%	Bil	%
19	Pernah menjadi kes Polis	5	16.7	25	83.3
20	Tindakan disiplin di sini berkesan kepada semua kanak-kanak	15	50	15	50
21	Sikap dan tingkah laku kanak-kanak menyebabkan kanak-kanak lain rasa takut	10	33.3	20	66.7
22	Sikap dan tingkah laku kanak-kanak di sini menyebabkan pegawai hilang sabar	26	86.7	4	86.7
23	Pernah keluar bersama dengan pegawai kes	15	50	15	50
24	Selalu berjumpa dengan pegawai kes	21	70	9	30
25	Dibawa ke Persidangan Kes untuk bincang perkembangan	15	50	15	50
26	Setelah tamat perintah mahkamah, diterima semula oleh ibu, bapa atau ahli keluarga	23	76.7	7	23.3

Perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana sebagai institusi perlindungan masalah seperti ini tidak seharusnya berlaku. Pegawai di RKK nampaknya menggunakan perkhidmatan kaunseling dengan baik kerana 15 orang (50%) kanak-kanak menyatakan sekiranya sebarang masalah dipukul, dibuli atau dikasari dilaporkan, bantuan kaunselor diperoleh untuk membendung masalah berkenaan. Seramai 90% kanak-kanak menyatakan perasaan puas hati terhadap tindakan yang diambil pegawai terhadap masalah-masalah yang berlaku di RKK.

Seperkara lagi yang perlu ditonjolkan dalam kertas ini adalah berkaitan dengan penglibatan responden dalam tingkah laku antisosial. Seramai 28 orang (93.3%) responden melaporkan mereka tidak pernah terlibat dalam sebarang perkara berkaitan dadah, gam, pil khayal dan sebagainya. Ini mungkin kerana hampir 90% kanak-kanak di RKK dilibatkan dalam program anti dadah yang dianjurkan oleh institusi dan ujian saringan air kencing yang dianjurkan oleh institusi terutamanya di RKK yang menempatkan kanak-kanak lelaki. Dari segi masalah disiplin di RKK pula, seramai 13 (43.3%) orang mengaku pernah ponteng sekolah dan 6 (20%) orang mengaku pernah ponteng aktiviti di RKK. Hanya separuh daripada responden yang beranggapan tindakan pegawai di RKK untuk membendung masalah disiplin berkesan kepada semua kanak-kanak. Walaupun hanya 10 (33.3%) orang yang bersetuju bahawa tingkah laku sebahagian kanak-kanak menyebabkan kanak-kanak lain berasa terancam.

#### 4. Hak Penyertaan

Komponen keempat adalah tentang hak penyertaan, dengan mengemukakan sebanyak 12 item<sup>12</sup>. Perkara yang dikaji dalam komponen ini adalah seperti peluang yang diberi kepada kanak-kanak untuk menyatakan pandangan dan tahap penerimaannya. Kebebasan beragama yang dinikmati, kebebasan berpersatuhan, jenis-jenis aktiviti, penglibatan kanak-kanak dalam kegiatan ko-kurikulum dan bilangan penghuni yang menyertainya, aktiviti bersama komuniti, aktiviti yang dianjurkan oleh klien dengan pengawasan

<sup>12</sup> Input implementasi untuk hak penyertaan hanya menggunakan dua artikel sahaja memandangkan tiga artikel penting yang lain masih tidak diratifikasi oleh Malaysia. Pendapat Kanak-Kanak (Artikel 12) dan Aktiviti Rekreasi & Kebudayaan (Artikel 31) menjadi kajian untuk mengukur implementasi hak penyertaan di RKK.

minimum serta tahap kewujudan dan keinginan persatuan atau kelab di kalangan kanak-kanak dan sebagainya diminta dilaporkan di bahagian ini.

Dari Jadual 5, seramai 23 orang (76.7%) menyatakan mereka diberi peluang untuk menyatakan pandangan terhadap sesuatu perkara atau isu yang wujud di RKK. Semua responden menyatakan bahawa mereka terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum. Ini kerana pihak RKK sendiri mewajibkan semua kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam aktiviti riadah dan ko-kurikulum secara puratanya 1 hingga 2 jam sehari. Namun, satu perkara yang masih ketinggalan di RKK adalah kebenaran kepada kanak-kanak untuk menjalankan kelab, persatuan atau aktiviti yang mereka mahukan dan mereka minati. Seramai 26 orang (86.7%) kanak-kanak menyatakan tidak dibenarkan menujuhkan persatuan / kelab mengikut kemahuan dan kegemaran mereka. Item lain seperti aktiviti bersama masyarakat, penyertaan dalam pertandingan di peringkat sekolah, dan layanan oleh pihak sekolah semuanya menunjukkan hampir 85% kanak-kanak menikmati peluang berkenaan tanpa sebarang masalah pilih kasih, stereotaip dan sebagainya.

Jadual 5: Implementasi Hak Penyertaan di RKK

Bil	Operasional Hak Penyertaan	Ya		Tidak		
		Bil	%	Bil	%	
1	Diberi peluang untuk menyatakan pandangan dan pendapat terhadap sesuatu perkara atau masalah yang berlaku	23	76.7	7	23.3	
2	Adakah adik melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah	30	100	0	0	
3	Berapakah purata masa yang diperuntukkan untuk aktiviti ko-kurikulum dalam sehari					
	< 1jam	1 – 2 jam	> 2 jam			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
	8	26.7	14	46.7	8	26.7
4	Suka dengan aktiviti yang dijalankan ?	25	83.3	5	16.7	
5	Dilibatkan sebagai ahli Panel Rakan Sebaya (PRS) untuk membincangkan masalah dan kesalahan rakan-rakan adik yang lain	18	60	12	40	
6	Dibenarkan menujuhkan persatuan / kelab mengikut kemahuan dan kegemaran	4	13.3	26	86.7	
7	Terlibat dalam sebarang aktiviti bersama masyarakat di luar institusi?	25	83.3	5	16.7	
8	Menyertai sebarang pertandingan di sekolah	26	86.7	4	13.3	
9	Diberi layanan yang sama dengan pelajar lain	26	86.7	4	13.3	

## PERBINCANGAN

Konvensyen Hak Kanak-kanak sebenarnya membayangkan perkembangan holistik seorang kanak-kanak dan kepercayaan masyarakat dalam memberikan kehidupan terbaik untuk kanak-kanak. Dalam konteks kanak-kanak di institusi, cabarannya adalah lebih tinggi memandangkan harapan masyarakat terhadap perkhidmatan institusi kanak-kanak adalah sangat tinggi.

Secara umumnya, hasil kajian rintis ini menunjukkan RKK dapat memenuhi kehendak hak kehidupan secara paling baik kerana tiada masalah yang dikenalpasti dalam mengimplementasi hak kehidupan. Perkara yang boleh diketengahkan dalam hal

kehidupan adalah isu ketiadaan insurans nyawa kepada hampir 97 peratus kanak-kanak. Ini boleh sedikit menggugat implementasi hak kehidupan di kalangan kanak-kanak. Walaupun RKK merupakan institusi yang diwartakan sebagai “tempat selamat” namun ia tidak menjamin bahawa kanak-kanak di sana bebas daripada sebarang kemalangan atau kematian mengejut. Insurans nyawa atau insurans kemalangan seharusnya diambil atas nama kanak-kanak atau secara kelompok, sebagai menjaga keselamatan sosial kanak-kanak. Ini kerana sebarang kemalangan atau kematian yang melibatkan kanak-kanak di RKK, akan membolehkan pihak institusi membayar waris terdekat kanak-kanak dengan sedikit wang melalui bayaran yang diterima daripada pihak syarikat insurans.

Satu lagi perkara penting yang boleh difikirkan adalah pengakuan seramai hampir 77 peratus kanak-kanak bahawa mereka mempunyai kemampuan dan kebolehan lain; selain bidang akademik. Pengakuan ini perlu dilihat secara positif oleh pihak RKK. Ini kerana dengan menyediakan peluang, memberi keyakinan dan perangsangan berterusan daripada pihak institusi, kanak-kanak ini mampu mencipta pelbagai kejayaan di ‘luar jangkaan’. Memegang kepada prinsip setiap individu adalah unik, pihak RKK perlu mencari alternatif untuk menyediakan *platform* terbaik kepada kanak-kanak untuk mencungkil dan mengasah bakat yang sedia ada pada setiap diri kanak-kanak; khususnya kanak-kanak yang tidak berminat dengan akademik. Opsyen yang lebih luas dalam bidang-bidang vokasional dan/atau kemahiran hidup yang lain perlu disediakan kepada mereka. Pemilikan kemahiran hidup; yang tidak semestinya tertumpu kepada akademik sahaja; merupakan kunci kepada kejayaan mereka pada masa hadapan. Ini merupakan aset mereka untuk berdikari pada masa hadapan. Jika ini dapat dilakukan, maka implementasi hak perkembangan yang dianggap sukar, akan berlaku secara mudah.

Hak perlindungan yang dinilai menunjukkan kebanyakan artikel telah dipenuhi atau diimplementasi. Namun, dua perkara perlu diberi perhatian berkaitan dengan dapatan kajian. Pertama, kadar kejadian buli dan dikasari yang agak membimbangkan. Di RKK, kanak-kanak bukan sahaja dipelihara dan dijaga. Di sini juga mereka dipulihkan secara sosial (khususnya tingkahlaku mereka) dan dilindungi. Insiden buli dan dikasari yang berlaku membayangkan bahawa RKK gagal melindungi dan memulih tingkahlaku kanak-kanak yang mendiaminya. Sesuatu perlu dilakukan bagi mengelakkan RKK menjadi tempat “breeding” untuk tingkahlaku antisosial berkenaan. Kedua, adalah kenyataan kanak-kanak yang mengaku bahawa sikap dan tingkah laku kanak-kanak menyebabkan pegawai di RKK hilang sabar. Ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan institusi dan pihak pengurusan atasan Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu mengambil beberapa langkah proaktif untuk mendidik dan membentuk kanak-kanak agar lebih berdisiplin dan patuh kepada peraturan institusi. Aktiviti berterusan seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dirancang khas untuk kanak-kanak bawah umur 18 tahun di institusi kebajikan boleh dipertimbangkan untuk membentuk keperibadian dan tingkah laku kanak-kanak di RKK. Selain itu semua pegawai kes dan kakitangan institusi harus diberi latihan dalam perkhidmatan untuk berhadapan dengan kanak-kanak yang berisiko seperti ini dan kaedah mengawal perasaan semasa menghadapi situasi yang kurang menyenangkan. Ini adalah untuk membendung masalah kakitangan yang bersikap agresif terhadap kanak-kanak yang seterusnya boleh memberi kesan negatif kepada kanak-kanak, pegawai berkenaan, institusi dan keseluruhan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebagai pihak yang memberi perkhidmatan pemeliharaan dan perlindungan, setiap tindakan dan gerak-geri kakitangan RKK sangat penting.

Dalam hak penyertaan, respons yang diberikan oleh seramai hampir 87 peratus kanak-kanak bahawa pihak RKK tidak membenarkan mereka untuk menubuhkan persatuan atau kelab mengikut kemahuan dan kegemaran, sebenarnya perlu diberi perhatian yang tinggi oleh pihak pengurusan institusi. Mengarahkan kanak-kanak untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang secara formal perlu dikaji semula. Beberapa aktiviti perlu diuruskan oleh kanak-kanak di institusi dengan bantuan minimum pihak pengurusan. Mereka perlu dididik untuk mampu merancang dan menjalankan program-program kurang/separa berstruktur yang sesuai dengan keperluan mereka. Pelbagai sikap murni; khususnya dari aspek personaliti mereka boleh ditanamkan ke dalam diri mereka menerusi usaha merancang program sosial untuk kegunaan mereka bersama. Kemampuan kanak-kanak di sekolah berasrama penuh dan universiti boleh diambil sebagai contoh. Walaupun pada awalnya mungkin ada pihak yang menyatakan kanak-kanak di RKK belum mampu untuk berbuat demikian, namun apabila peluang dan kemudahannya diberikan, kanak-kanak di RKK juga mampu membuat kejutan dengan menganjurkan pelbagai aktiviti yang menarik perhatian mereka. Cuma garispanduan dan peraturan umum boleh diberikan oleh pihak institusi agar penganjuran aktiviti tidak bercanggah dengan amalan disiplin dan nama baik institusi.

## PENUTUP

Veneman (2009), beranggapan cabaran terbesar dalam jangka masa 20 tahun lagi adalah untuk membina konvensyen ini di atas tapak kemajuan yang telah tercapai serta bekerjasama untuk membantu kanak-kanak yang masih dinafikan hak kehidupan, perkembangan, perlindungan dan penyertaan. Konvensyen Hak Kanak-Kanak ini boleh dianggap sebagai standard universal untuk mewujudkan dunia baru iaitu dunia yang memberi keutamaan kepada kepentingan terbaik kanak-kanak. Menurut SUHAKAM, pembahagian hak kanak-kanak kepada empat kategori utama adalah untuk menggambarkan hak kanak-kanak secara lebih tersusun. Pengkategorian sedemikian seharusnya fleksibel kerana kebanyakan hak bertindan atau bertindih dengan satu sama lain. Sejak Malaysia meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak pada tahun 1992 sehingga kini pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengimplementasikan hak kanak-kanak. Namun beberapa artikel penting masih belum dapat dilaksanakan kerana keengganahan kerajaan Malaysia meratifikasi semua artikel yang terkandung dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak. Selain itu, ketidakmampuan untuk melaksana semua hak yang diusulkan juga mempunyai kaitan rapat dengan komitmen dan kerjasama semua sector dalam masyarakat; samada formal atau tak-formal dalam merealisasikan implementasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak. Perkara yang sangat penting adalah peranan dan komitmen masing-masing perlu diberikan terlebih dahulu iaitu individu, keluarga, masyarakat, kerajaan dan pertubuhan antarabangsa perlu melaksanakan hak-hak berkaitan yang termaktub dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak. Jika ini dapat dilaksanakan pengkaji percaya sebahagian besar objektif dan cita-cita Konvensyen ini akan tercapai.

## RUJUKAN

Undang-undang Malaysia – Akta 611. *Akta Kanak-Kanak 2001*

Berita Harian , 24 Nov 2009

Buletin Utama TV3, 3 Nov 2009

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, SUHAKAM, 2005, Kuala Lumpur

Laporan Statistik (2007). Jabatan Kebajikan Masyarakat

Laporan Statistik (2008). Jabatan Kebajikan Masyarakat

Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2007).

*Implementation of the Convention on the Rights of the Child : First Country Report*, Kuala Lumpur

Malaysiakini (2009), '*Father converted Banggarma to Islam*' dicari pada 23 November 2009 dari <http://malaysiakini.com/news/118138>

Marshal, Thomas H. (1964). *Class, Citizenship, and Social Development*, Garden City, NY, Doubleday

Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2007

Rena, Ravinder. (2007). Child Rights' Convention and Its Implementation. *Indian Ocean Digest*, Vol.22, No.1&2 (January-December), pp. 1-11.

Siti Zaharah Jamaludin, Norchaya Talib, Jal Zabdi Yusof, *Siri Undang-Undang Mimi Kamariah : Akta Kanak-Kanak 2001*, 2002, hlm xvii

SUHAKAM, *Research on Knowledge and Practice of Human Rights in Secondary School*. Kuala Lumpur , 2006, hlm. 3

The Star, (2008). *Man held over trainee's death* dicari pada 10 Jun 2009 dari <http://thestar.com.my/metro/story.asp?file=/2008/5/3/north/21141971&sec=north>

The Star, 20 November 2009

Veneman, Ann.M. (2009). The State of The World's Children : Special Edition, UNICEF, New York